

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI RABU, 15 MEI 2024, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 1 (A24)**

Mohon kerajaan negeri nyatakan apakah perancangan dan persiapan bagi menerima kehadiran pelancong menjelang Tahun Melawat Johor 2026 nanti? Adakah diperuntukkan sebarang insentif bagi menggalakkan pemain-pemain industri dalam bidang pelancongan meningkatkan kualiti dan menaiktaraf kemudahan sedia ada?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 2 (A121)**

Seperti yang kita semua maklum, Tahun Melawat Johor akan diadakan pada tahun 2026 dan kerajaan mensasarkan 12 juta pelancong akan datang ke negeri Johor. Apakah perancangan kerajaan negeri dalam mewujudkan lebih banyak lokasi pelancongan di dalam negeri Johor?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 3 (A85)**

Johor dikenali sebagai "Passby/Transit City". Pelancong/pengunjung melalui Singapura/LT Changi hanya melalui Johor untuk ke Melaka, W.P, Selangor, Pahang dan selainnya. Adakah perancangan kerajaan untuk transform supaya pelancong antarabangsa dan Singapura menjadikan Johor destinasi bermalam atau tinggal lebih dari sehari.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 4 (A163)

Nyatakan apakah usaha kerajaan negeri bagi menggalakkan dan menaik taraf sektor pelancongan dalam negeri Johor memandangkan ramai rakyat Malaysia kini lebih gemar melancong ke negara jiran sebagaimana dilaporkan 20,000 orang sehari jumlah pelawat Malaysia mengunjungi Hatyai, Thailand pada hujung minggu.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 5 (A130)

Minta kerajaan negeri menyenaraikan projek-projek Penambahbaikan Infrastruktur Pelancongan yang telah diumumkan pada Belanjawan Johor 2024 serta status projek-projek tersebut.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 6 (A183)

Apakah status perkembangan untuk memperbadankan Tourism Johor supaya menjadi sebuah agensi yang lebih kompetensi dalam sektor pelancongan negeri.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 7 (A70)

Apakah strategi promosi yang dirancang kerajaan negeri untuk mempromosikan Tahun Melawat Johor 2026?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 8 (A14)

Sila nyatakan status terkini penubuhan Pusat Pengumpulan Hasil Durian dan prestasinya.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 9 (A148)

Dengan penubuhan Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC) di Johor, bagaimana ia dijangka memberi kesan kepada tarikan pelaburan dalam negeri dan luar negara dalam industri tempatan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan keberkesanan pusat tersebut mempromosikan pertumbuhan ekonomi negeri?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 10 (A910)

Bagi tahun 2023, berapa jumlah yang kerajaan negeri telah peruntukan untuk baik pulih dan bina baru rumah melalui MAIJ, JKM dan BPEN. Nyatakan nilai dan bilangan mengikut pecahan daerah-daerah.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 11 (A53)

Apakah kerajaan negeri ada membuat inventori tentang kemudahan-kemudahan sukan yang telah uzur dan perlu di baikpulih. Apakah langkah kerajaan negeri dalam mengatasi masalah ini.

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 12 (A188)

Demi menyahut Dasar YB Menteri Pendidikan: Pendidikan Karamah Insaniah, mohon pihak-pihak berkepentingan memberikan sumbangan kewangan bagi menjalankan program berbentuk aktiviti luar seperti Perkhemahan Perpaduan, Sukan Muhibah, Kem Bina Sahsia, Kepimpinan Muda, dan sebagainya bagi melancarkan lagi perjalanan setiap program.

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 13 (A113)

Warga asing berkahwin dengan warga tempatan dan menggunakan nama pasangannya untuk menjalankan perniagaan. Adakah ia dibenarkan?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 14 (A123)

Dalam kita menuju negeri maju menjelang tahun 2030, antara yang perlu dilihat adalah sistem penyuraian trafik yang cekap dan efisien di negeri Johor amnya dan bandar raya Johor Bahru khususnya. Apakah perancangan kerajaan negeri berkenaan perkara ini?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 15 (A35)

Sejauh mana Akta 645 (Dewan Rakyat) dan Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988 (DUN Johor) berkaitan bangunan warisan, objek warisan (ketara), arkeologi bawah air, warisan (tidak ketara) di perkasakan di negeri Johor?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 16 (A90)

Adakah kerajaan bercadang untuk menukar syarat kelayakan penerima bantuan JKM daripada Kadar Pendapatan Isi Rumah kepada Kadar Pendapatan Keluarga yang tinggal di dalam satu rumah?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 17 (A164)

Apakah status terkini sungai-sungai yang tercemar di Johor terutamanya lembangan (delta) yang berada di kawasan Perindustrian Pasir Gudang?

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan sungai-sungai ini dapat dipulihkan yang membolehkan tiada lagi isu pencemaran yang berulang berlaku?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 18 (A125)

Di daerah Batu Pahat, paip air yang ada adalah sepanjang 3500 km, manakala 1200 km lgi adalah paip jenis lama, apakah perancangan kerajaan negeri untuk menangani perkara ini bagi mengelakkan berlakunya kekerapan paip air pecah?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 19 (A151)

Mohon dinyatakan senarai naik taraf perpaipan bagi tahun 2024 di kawasan DUN Parit Raja.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 20 (A54)

Masih ramai majikan memilih untuk mengajikan Pekerja Asing (Mahir dan Separuh Mahir) berbanding warga tempatan khususnya di sektor perkilangan. Mohon kerajaan mengetatkan syarat agar majikan lebih peka dan memberi keutamaan kepada warga tempatan khususnya lepasan IPT dan TVET.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 21 (A149)

Fenomena cuaca yang terlalu panas memberi kesan kepada aktiviti sektor pertanian seperti tanaman sayur-sayuran dan tanaman buah-buahan. Apakah bantuan yang boleh diberikan kepada petani yang terjejas.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 22 (A193)

Kita sedang menghadapi keadaan cuaca panas dengan peningkatan suhu 35 hingga 38 darjah celcius sejak Februari lalu. Justeru apakah usaha Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri Johor ambil bagi memastikan bekalan makanan mencukupi ekoran hasil pertanian yang terjejas dengan faktor cuaca ini.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 23 (A59)

Ramai pihak menggunakan nama Masjid, Surau, Madrasah dan Pusat Tahfiz untuk memungut dana. Apakah kerajaan memantau perkara ini agar tiada unsur penipuan, penyelewengan dan mengeksploitasi pelajar tahfiz? Disyorkan dilakukan audit untuk semua dana infak yang diwujudkan bagi mengelakkan salah guna dana.

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 24 (A206)

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri Johor untuk memperkasakan sistem pendidikan vokasional bagi menyediakan kemahiran kepada generasi muda untuk menyokong keperluan industri tempatan?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 25 (A101)

Sudahkah kerajaan negeri mempunyai rancangan terkini untuk pembinaan rumah mampu milik di DUN Pekan Nanas dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pembinaan RMMJ tersebut berjalan lancar dan memberi manfaat kepada penduduk tempatan.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 26 (A41)

Apakah perancangan kerajaan Johor pada tahun ini terutamanya mengenai agenda perlindungan kanak-kanak?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 27 (A32)

Johor ke arah negeri maju pada tahun 2030. Sejauh mana kemudahan aset perubatan (kelengkapan mesin) bagi memastikan kemajuan sistem perubatan di hospital kerajaan di Johor?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 28 (A107)

Baru-baru ini kerajaan persekutuan ini ada mencadangkan untuk mengenakan CCTV mandatori di semua taman asuhan kanak-kanak (TASKA). Jadi apakah kemajuan pelaksanaan ini di negeri Johor?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 29 (A114)

Apakah tindakan kerajaan terhadap syarikat yang tidak mampu menukar paip-paip lama hingga menimbulkan masalah kepada pengguna?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 30 (A81)

Berapakah ramai dan peratusan jumlah anak Johor tercicir dalam pengajian Sekolah Agama Johor dan berapakah jumlah dan peratus penduduk Johor yang telah berjaya menamatkan pengajian Sekolah Agama hingga darjah 6 dan peringkat khas?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 31 (A111)

Terdapat banyak rumah kediaman yang telah diubahsuai sebagai rumah sewa untuk mereka menganjurkan kenduri atau berpesta sehingga mengakibatkan kacau ganggu kepada penduduk setempat. Apakah rancangan kerajaan tempatan untuk mengatasi masalah ini?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 32 (A213)

Apakah pihak kerajaan negeri mempunyai cadangan untuk membuka semula lesen kepada para nelayan khususnya di DUN Senggarang memandangkan ramai nelayan yang beroperasi tidak mempunyai lesen.

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU SULTAN JOHOR.

----- (PERBAHASAN) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Khamis, 16 Mei 2024, jam 9.30 pagi.